



**KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, CHIKUNGUNYA DAN ZIKA DI
MALAYSIA**

(Bagi Minggu 42/2017 dari 15 hingga 21 Oktober 2017)


Kes Denggi terus menunjukkan tren penurunan pada Minggu ke-42 iaitu dari 15 hingga 21 Oktober 2017 dengan sebanyak 1,012 kes Demam Denggi telah dilaporkan, menurun sebanyak 129 kes (11.3%) berbanding 1,141 kes pada minggu sebelumnya. Namun demikian, terdapat lima (5) negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Johor 22 kes (18.6%), Terengganu 4 kes (200.0%), Sarawak 4 kes (30.8%), Perlis 3 kes, dan Kedah 1 kes (9.1%). Jumlah kumulatif kes Demam Denggi yang direkodkan sehingga 21 Oktober 2017 adalah sebanyak 73,794 kes berbanding 87,890 kes bagi tempoh yang sama tahun 2016, iaitu penurunan sebanyak 14,096 kes (16%).

Tiada kes kematian yang direkodkan pada tempoh tiga (3) minggu kebelakangan ini menjadikan jumlah kumulatif kematian Denggi kekal sebanyak 159 kematian, berbanding 199 kematian dilaporkan pada tahun 2016 bagi tempoh yang sama, iaitu pengurangan sebanyak 40 kes (20.1%).

Sepanjang Minggu ke-42, sejumlah 352 lokaliti wabak Demam Denggi masih aktif dilaporkan termasuk 32 lokaliti hotspot semasa yang dilaporkan melibatkan lima (5) buah negeri iaitu 21 lokaliti di Selangor, masing-masing empat (4) lokaliti di WP Kuala Lumpur & Putrajaya dan Sabah, dua (2) lokaliti di Johor, dan satu (1) lokaliti di Perak.

Tiada kes Chikungunya yang dilaporkan untuk tempoh yang sama. Jumlah kumulatif kes Chikungunya yang direkodkan pada tahun 2017 sehingga 21 Oktober 2017 adalah kekal sebanyak 262 kes iaitu 190 kes dari Kedah, 33 kes dari Selangor, 24 kes dari Johor, 12 kes dari Kelantan, dua (2) kes dari Perak dan satu (1) kes dari Sarawak. Selain itu, pemantauan sistem surveyan virus Zika dari 1 Januari sehingga 27 Mei 2017 oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), mendapati keputusan ujian bagi 1,742 sampel darah dan 31 sampel air kencing di kalangan pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika adalah negatif.

Jumlah kes Demam Denggi kebiasaannya menunjukkan peningkatan dengan pertambahan purata hujan dan suhu bulanan. Oleh demikian, orang ramai haruslah mengambil langkah berjaga-jaga untuk memastikan Demam Denggi tidak menular dan mengorbankan lebih banyak nyawa ketika perubahan cuaca ini. Setiap daripada kita bertanggungjawab untuk memastikan tiada tempat pembiakan Aedes di kawasan rumah atau kejiranan. Pastikan tiada takungan air yang berpotensi untuk menjadi tempat pembiakan Aedes seperti bekas tадahan air, kolam, pasu bunga, tin-tin kosong, tayar buruk dan sebagainya. **Tiada Aedes, Tiada Denggi, Chikungunya dan Zika.**



DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH

Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

26 Oktober 2017

Lampiran A

KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 42/2017
(15 hingga 21 Oktober 2017)

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian dilaporkan				Jumlah Terkumpul Kes Denggi Sehingga Minggu 42/2017		Jumlah Terkumpul Kes Denggi Sehingga Minggu 42/2016					
		Minggu 42 (15 – 21 Okt 2017)		Minggu 41 (8 – 14 Okt 2017)									
		Kes	Mati	Kes	Mati								
1	Perlis	3	0	0	0	166	0	153	1				
2	Kedah	12	0	11	0	1,283	4	802	2				
3	P. Pinang	53	0	53	0	2,077	13	2,291	12				
4	Perak	41	0	43	0	4,971	11	3,081	9				
5	Selangor	513	0	618	0	40,164	59	45,432	68				
6	WP KL & Putrajaya	88	0	107	0	7,474	19	7,474	17				
7	N. Sembilan	21	0	25	0	2,820	11	2,353	24				
8	Melaka	22	0	24	0	1,238	1	1,941	6				
9	Johor	140	0	118	0	6,734	23	9,712	19				
10	Pahang	19	0	33	0	1,472	5	2,334	7				
11	Terengganu	6	0	2	0	256	1	1,867	17				
12	Kelantan	22	0	26	0	2,336	2	5,080	9				
13	Sarawak	17	0	13	0	818	4	2,302	6				
14	Sabah	54	0	64	0	1,913	6	3,057	2				
15	WP Labuan	1	0	4	0	72	0	11	0				
	MALAYSIA	1,012	0	1,141	0	73,794	159	87,890	199				

* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

Lampiran B

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 42/2017
(15 hingga 21 Oktober 2017)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Pusat Komersial A : Jln Aa 7/Aa - Ac 7/Ac, T 7/T - Z 7/Z)	119	158
2	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 7/5 Seksyen 7 Bandar Baru Bangi	45	89
3	SELANGOR	Petaling	Seksyen 6 (UiTM : Kolej Cendana Blok 1, 2)	22	74
4	SABAH	Tuaran	Taman Sri Rugading	37	73
5	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Desa Surada	24	71
6	SELANGOR	Petaling	Tmn Sri Serdang 2 (Jln 18/8-18/28 & Flat)	16	62
7	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 10 Apt Permai	21	57
8	SABAH	Tuaran	Taman Telipok Ria	8	56
9	WPKL	Cheras	Flat Sri Penara	14	54
10	WPKL	Cheras	Ppr Desa Tun Razak	11	54
11	WPKL	Cheras	Bdr Sri Permaisuri (Cengal Kondo)	19	51
12	SELANGOR	Petaling	Kg Bukit Lanchong (Lorong Haruan)	12	46
13	SELANGOR	Petaling	Seksyen 6 (Flat A : Blok 3 - 8)	10	45
14	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Bukit Permai 1-5 Taman Bukit Permai	10	43
15	SELANGOR	Petaling	Tm Pjs 2d Flat Desa Mentari (Blok 11)	11	43
16	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 8 Mentari Court	6	41

17	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Cendana_Zon 1	12	41
18	SABAH	Tawau	Ib17 Ice Box Blok 5	12	40
19	SELANGOR	Gombak	Au1a Tmn Keramat	14	39
20	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 (Pangaspuri Perdana)	12	38
21	PERAK	Kinta	Fair Park	15	38
22	SELANGOR	Gombak	Appt Pesona Villa	15	37
23	SABAH	Semporna	Panji Mansur	9	35
24	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Jalan Penghulu Bandar Mahkota Cheras	6	34
25	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Megah Sungai Jelok	5	34
26	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Kempas Taman Cheras Hartamas	4	33
27	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 10 Apt Subang Ville Ehsan	5	32
28	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 6 Kelana Park View	16	32
29	SELANGOR	Hulu Selangor	Jalan Kembojasari Bsb	9	32
30	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Sunway 2 Bandar Sunway Semenyih	7	31
31	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Cendana_Zon 3	6	31
32	WPKL	Cheras	Bayu Tasik Condo 1	8	31